

Lawatan Industri Ke Taliworks

Oleh **Ain Nihla Kamarudzaman**
Pensyarah

Pada 9 April 2009, satu lawatan industri ke Taliworks (Langkawi) Sdn Bhd di Sungai Baru, Perlis telah diadakan. Syarikat ini bertanggungjawab dalam pengurusan operasi di Loji Rawatan Air Sungai Baru untuk membekalkan air bersih ke Langkawi. Seramai 60 orang pelajar tahun dua dan tiga orang staf telah menyertai lawatan ini. Tujuan lawatan diadakan ialah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar tentang proses dan teknologi rawatan air yang terdapat di loji tersebut.

Setibanya di Loji Rawatan Air Sungai Baru, satu taklimat ringkas berkenaan pengendalian operasi telah disampaikan oleh pengiring lawatan, Encik Yusof Othman. Setelah selesai sesi taklimat, para pelajar telah dibawa melawat ke sekitar kawasan loji dan sepanjang lawatan, penerangan terperinci untuk setiap proses rawatan turut diberikan. Lawatan diakhiri dengan penyampaian cenderahati PPKAS kepada pihak Taliworks.

